

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM
PEPERIKSAAN PERINTAH-PERINTAH AM 1961 DAN
PERATURAN-PERATURAN PERKHIDMATAN (GO)
8 DISEMBER 2017

Arahan kepada calon-calon:

1. Sila tulis bilangan index dan nombor kad pengenalan pintar awda sahaja pada kotak yang disediakan.
2. Kertas soalan ini mengandungi tiga (3) bahagian:
Bahagian A : 30 Soalan Objektif
Bahagian B : 10 Soalan Esei Pendek
Bahagian C : 3 Soalan Esei Panjang
3. Sila Jawab :
Bahagian A : Semua Soalan
Bahagian B : 7 Soalan sahaja
Bahagian C : 2 Soalan sahaja
4. Sila mulakan jawapan bagi setiap soalan pada tiap lembaran baru kertas jawapan.
5. Jawapan yang ditulis hendaklah jelas dan mudah dibaca.
6. Semua Jawapan hendaklah ditulis dalam Bahasa Melayu.

****** SEMOGA BERJAYA ******

BAHAGIAN A : SOALAN OBJEKTIF

1. Kadar pemberian bonus bagi warga perkhidmatan awam seperti yang dinyatakan dalam Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri bilangan 4/2017 adalah seperti berikut :
 - a. Gred A sehingga D 100%, Gred E 50%
 - b. Gred A sehingga C 100%, Gred D & E 50%
 - c. Gred A 100%, Gred B 90%, Gred C 80%, Gred D 60%, E 50%
 - d. Gred A & B 100%, Gred C 80%, Gred D 50%, Gred E Tidak ada bonus

2. Seorang pegawai yang baru dilantik dalam Bahagian III dalam tanggaji C.3-4 EB.5 dengan gaji permulaan \$1,990.00 telah melapor diri untuk memulakan perkhidmatannya pada 15 Disember 2016 dan masih dalam tempoh percubaan selama 3 tahun. Bilakah tarikh kenaikan gaji tahunannya bagi tahun berikutnya?
 - a. 1 Januari 2018
 - b. 31 Disember 2017
 - c. 15 Disember 2017
 - d. Tidak ada kenaikan gaji selama tempoh percubaan

3. Seorang Pengarah selaku tetamu kehormat telah menerima sebuah hadiah berbentuk jam daripada syarikat yang melaksanakan projek bagi Jabatannya semasa majlis meraikan kejayaan perlaksanaan projek berkenaan. Nyatakan tindakan yang wajar diambil oleh Pengarah berkenaan.
 - a. Pengarah berkenaan selaku Ketua Jabatan boleh menerima hadiah tersebut untuk kegunaan Jabatannya tanpa perlu diisytiharkan
 - b. Pengarah berkenaan selaku Ketua Jabatan hendaklah mengisytiharkan penerimaan hadiah tersebut kepada Setiausaha Sulit
 - c. Pengarah berkenaan hendaklah menyerahkan dan mengisytiharkan hadiah tersebut kepada Setiausaha Tetap/Timbangan Setiausaha Tetap Kementerian berkenaan
 - d. Pengarah berkenaan hendaklah menyerahkan dan mengisytiharkan hadiah tersebut Menteri/Timbangan Menteri Kementerian berkenaan

4. Tempoh ikat janji bagi pegawai/kakitangan yang telah menjalani Latihan Dalam Perkhidmatan Dalam Negeri selama 4 tahun ialah :
 - a. 5 tahun
 - b. 10 tahun
 - c. 12 tahun
 - d. 14 tahun

5. Seorang pegawai/kakitangan mengalami kesusahan kewangan yang berat adalah dalam keadaan-keadaan berikut kecuali :
 - a. Jumlah hutang dan tanggungan tidak bercagar adalah lebih 3 kali ganda gaji dan elaun bulanan
 - b. Mendapat hukuman sebagai pengambil hutang sehingga hutang itu diselesaikan
 - c. Seorang muflis atau pemakan gaji tidak dapat menjelaskan hutangnya sehingga lepas daripada muflis
 - d. Membuat pinjaman peribadi kepada pihak bank bagi tujuan membeli rumah yang berharga lebih daripada 60 bulan gaji pegawai/kakitangan berkenaan

-
6. Pada 1 Januari 2017, perkhidmatan Dayang Monalisa binti Asli telah mencapai 10 tahun dan pada masa ini dia berjawatan tetap dalam Bahagian III dengan gaji pokok \$1,990.00. Dia mempunyai seorang suami yang bekerja di sektor swasta serta 3 orang anak yang berumur 8 tahun, 6 tahun dan 18 bulan. Sila nyatakan jumlah Elaun Tambang yang akan diterimanya.
- \$21,700.00
 - \$6,320.00
 - \$12,640.00
 - Tidak akan dihulurkan Elaun Tambang
7. Elaun Sara Hidup dihulurkan bagi menampung sara hidup dan gaji kepada semua pegawai/kakitangan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam kecuali :
- Pegawai yang menerima gaji \$6,800.00 sebulan
 - Pegawai/Kakitangan yang mengikuti Latihan Dalam Perkhidmatan Secara Penuh di luar negeri
 - Ambilan tempatan di misi-misi Negara Brunei Darussalam di luar negeri
 - Pegawai/Kakitangan yang tidak menerima Elaun Sara Hidup setempat
8. Bagi pegawai/kakitangan yang sedang mengikuti Latihan Dalam Perkhidmatan Seberang Laut dan berhasrat untuk meninggalkan negeri tempat berkursus semasa sesi kursus perlu mendapatkan kebenaran daripada institusi di mana pegawai/kakitangan mengikuti program latihan/kursus/pengajian dan
- Memaklumkan Perwakilan Tetap Negara Brunei Darussalam di negara tempat pengajian
 - Mendapatkan kebenaran Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
 - Memaklumkan secara bertulis kepada Ketua Jabatan
 - Kebeneran tidak perlu diperolehi
9. Jika ahli meninggal dunia sebelum mencapai umur 60 tahun, baki didalam akaun simpanan Persaraan Caruman Tambahan akan dibayarkan kepada waris yang layak dan :
- tempoh pembayaran adalah seumur hidup waris yang layak
 - tempoh pembayaran adalah dari tarikh ahli meninggal dunia hingga umur ahli 75 tahun, sekiranya ahli masih hidup
 - 15 tahun dari tarikh ahli meninggal dunia
 - baki di dalam akaun akan dibayarkan secara *lump-sum* kepada waris yang layak
10. Jika seorang warga perkhidmatan awam keluar semasa waktu pejabat atas urusan peribadi yang munasabah yang memerlukan masa setengah hari, sama ada di sebelah pagi atau petang maka dia dikehendaki :
- Mengganti tempoh waktu ia keluar pejabat tersebut dengan bekerja lebih masa pada hari berikutnya
 - Memohon cuti satu (1) hari
 - Memohon cuti setengah (1/2) hari
 - Tidak perlu memohon cuti jika telah mendapat kebenaran keluar pejabat daripada Ketua Jabatan
-

11. Dalam Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri bilangan 6/2017, berapakah kadar bonus yang akan diterima oleh seorang pegawai sepanjang tempoh menjalani Latihan Dalam Perkhidmatan Seberang Laut?
 - a. Tidak ada bonus
 - b. 100% jika lulus peperiksaan
 - c. 50% jika menduduki semula peperiksaan
 - d. 25% jika gagal peperiksaan





12. Elaun memangku seperti di perenggan 4.1 Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri, bilangan 4/2008 akan dibayar dengan kadar :
 - a. 1/3 dari gaji permulaan jawatan yang dipangku
 - b. 1/2 dari gaji permulaan jawatan yang dipangku
 - c. 1/5 dari gaji permulaan jawatan yang dipangku
 - d. Perbezaan gaji dengan jawatan yang dipangku

13. Cuti Batuk Kering hanya diberikan kepada pegawai-pegawai dalam jawatan tetap, berkontrak, sebulan ke sebulan dan open-vote yang menghidap penyakit batuk kering dengan surat akuan dari Pegawai Perubatan dan cuti yang dibenarkan adalah :
 - a. Maksimum 6 bulan dengan gaji penuh
 - b. Maksimum 6 bulan dengan separuh gaji
 - c. Maksimum 6 hari setahun melalui Cuti Sakit Disahkan Sendiri dengan gaji penuh
 - d. Maksimum 15 hari setahun dengan gaji penuh

14. Kadar Bayaran Bonus bagi Bahagian I adalah :
 - a. $\frac{1}{4}$ x gaji pokok
 - b. $\frac{1}{2}$ x gaji pokok
 - c. 1 x gaji pokok
 - d. $1 \frac{1}{2}$ x gaji pokok

15. Dalam melaksanakan penilaian prestasi, pegawai penilaian hendaklah mengelakkan dari terpengaruh oleh kesan-kesan lazim seperti membuat penilaian yang lebih menyebelahi kepada pegawai-pegawai dalam jawatan yang tinggi daripada mereka yang berada dalam jawatan yang rendah. Kesan lazim yang dimaksudkan ialah :
 - a. Halo
 - b. Horns
 - c. Hierarchy
 - d. Avoidance

16. Kelayakan pengurniaan tambang menunaikan Fardhu Haji ialah bagi pegawai/kakitangan dalam perkhidmatan tetap, sebulan ke sebulan atau open-vote dikira dari tarikh mula berkhidmat dalam perkhidmatan bergaji bulan dan telah berkhidmat selama :
 - a. 15 tahun
 - b. 12 tahun
 - c. 10 tahun
 - d. 5 tahun

17. Sektor swasta yang terlibat dibawah program peminjaman pegawai dari agensi kerajaan akan dikenakan bayaran surcaj dan dibayar kepada Perbendaharaan Kerajaan berdasarkan kadar gaji pokok pegawai yang dipinjamkan itu iaitu sebanyak :
- 20%
 - 25%
 - 30%
 - 35%
18. Lantikan memangku sesuatu jawatan hanya dibenarkan bagi pegawai-pegawai tempatan dalam perkhidmatan tetap, sebulan kesebulan dan berkontrak yang telah berkhidmat dalam jawatannya tidak kurang dari :
- 6 bulan
 - 12 bulan
 - 18 bulan
 - 24 bulan
19. Kadar Elaun Sara Hidup bagi Bahagian IV dan V ialah :
- \$100.00
 - \$120.00
 - \$180.00
 - \$200.00
20. Fokus TPOR adalah :
- Orang Ramai, Piawai, Sikap/Etika
 - Organisasi, Piawai, Sikap/Etika
 - Orang Ramai, Organisasi, Sikap/Etika
 - Organisasi, Orang Ramai, Piawai
21. Dalam MPK simbol yang digunakan untuk menandakan **Tindakan** ialah :
- 
 - 
 - 
 - 
22. Kelayakan Cuti Tahunan bagi pekerja bergaji hari yang telah berkhidmat 8 sehingga 14 tahun ialah :
- 7 hari
 - 10 hari
 - 14 hari
 - 28 hari

23. Kaedah Pengiklanan jawatan kosong Bab (7a) daripada Akta Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (Penggah 83) adalah dibukakan kepada :
- Semua Pegawai/Kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Kementerian/Jabatan itu sahaja
 - Semua Pegawai/Kementerian yang sedang berkhidmat dengan Kementerian/Jabatan Kerajaan
 - Orang ramai termasuk Pegawai/Kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan
 - Orang ramai kecuali Pegawai/Kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan
24. Awang Hariz bin Khalid adalah seorang pegawai dalam Bahagian III dengan gaji sebulan \$1,990.00 dalam perjawatan tetap dan berkhidmat lebih daripada 15 tahun. Dia mempunyai seorang isteri yang bekerja di sektor swasta dan 4 orang anak yang berumur 19 tahun, 12 tahun, 10 tahun dan 18 bulan. Awang Hariz telah memohon Elaun Cuti. Berapakah jumlah elaun cuti yang bakal diterimanya bagi dirinya dan keluarganya?
- \$5,275.00
 - \$4,700.00
 - \$6,175.00
 - \$7,075.00
25. Kadar kelayakan cuti tahunan bagi pegawai/kakitangan perempuan berjawatan tetap dalam Bahagian II dan berumur 45 tahun ialah :
- 42 hari
 - 50 hari
 - 48 hari
 - 34 hari
26. Seorang Ketua Jabatan dalam sukatan gaji Superscale Special dengan gaji \$11,000.00 sebulan telah mendapat kemudahan perumahan dibawah kawalan Jabatan Perkhidmatan Awam dan menduduki Kelas Rumah AA. Nyatakan bayaran sebulan yang akan dikenakan kepada beliau :
- \$500.00
 - \$230.00
 - \$150.00
 - \$130.00
27. Seorang pegawai dalam Bahagian II menuntut Elaun Pelajaran bagi seorang anaknya yang menuntut di Kuala Lumpur, Malaysia dan kadar Elaun Pelajaran akan dibayar seperti yang dituntut oleh pegawai tersebut iaitu :
- Tidak melebihi \$400.00 sebulan
 - Tidak melebihi \$500.00 sebulan
 - Tidak melebihi \$800.00 sebulan
 - Tidak melebihi \$120.00 sebulan

28. Seorang pegawai kerajaan yang pada masa ini berjawatan tetap dalam tanggagaji B.2 EB.3 telah menjalani Latihan Dalam Perkhidmatan Seberang Laut dan memperolehi Ijazah Sarjana pada 13 Julai 2017. Sila nyatakan berapa kenaikan gaji akan dihulurkan kepada beliau atas kejayaannya mendapatkan ijazah sarjana tersebut.
- 1 kenaikan gaji
 - 2 kenaikan gaji
 - 5 kenaikan gaji
 - Tidak ada kenaikan gaji
29. Ketua Jabatan boleh mempertimbangkan untuk membayar elaun kepada pegawai (termasuk kakitangan bergaji hari) yang menjalankan tugas di dalam negeri dan tinggal bermalam tidak lebih daripada 30 hari di luar dari kawasan tempatnya bertugas. Elaun yang dimaksudkan ialah :
- Elaun Berkhemah
 - Elaun Gangguan
 - Elaun Bermalam
 - Elaun Perjalanan Tetap
30. Berapakah jumlah maksimum caruman SCP?
- \$17.50 sebulan
 - \$30.00 sebulan
 - \$35.00 sebulan
 - \$98.00 sebulan

BAHAGIAN B

Bahagian ini mengandungi sepuluh (10) soalan. Calon adalah dikehendaki untuk menjawab tujuh (7) soalan sahaja daripada sepuluh (10) soalan. Setiap soalan mempunyai 5 markah.

Sila terangkan perkara-perkara dalam Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam seperti berikut:

1. Jenis-Jenis Lantikan
2. Kuasa Membenarkan Memangku Jawatan Setiausaha Tetap/Timbangan Setiausaha Tetap, Ketua Jabatan, Timbalan/Penolong Ketua Jabatan, Semua Jawatan dalam Perkhidmatan BAS, Semua Jawatan Lain bagi tempoh melebihi 180 hari atau bagi menilai kebolehan dan kesesuaian seseorang pegawai untuk ditetapkan (substantive acting) dalam jawatan yang dipangkunya.
3. Tarikh Kenaikan Gaji Bahagian I sehingga V. Bilakan tarikh ulangtahun kenaikan gaji bagi kakitangan Bahagian IV yang melapor bertugas pada 4 Mei 2017 ?
4. Nyatakan lima (5) sahaja Peraturan-Peraturan CSDS.
5. Dalam Sistem Pengurusan Prestasi Baru Perkhidmatan Awam, sekiranya had peratus *bell curve* yang ditetapkan tidak ditepati, huraikan proses yang perlu dilaksanakan oleh Kementerian/Jabatan.
6. Kadar Elaun Cuti bagi pegawai/kakitangan dalam Perjawatan Tetap mengikut Bahagian I hingga V dan Sukatan Gaji berserta ahli keluarganya (termasuk anak-anak mengikut umur).
7. Huraikan Rukun Ahlak dan Etika Kerja : Setiakawan, syura dan bermuafakat membawa berkat.
8. Sila nyatakan kiraan kadar sejam bagi Elaun Lebih Masa Bagi Pekerja Bergaji Hari dan Bergaji Bulan dan berapakah had kadar sejam.
9. Definasi KKC
10. Kadar Baksis Kontrak Asing dan Tempatan Mengikut Bahagian.

BAHAGIAN C

Bahagian ini mengandungi tiga (3) soalan. Calon adalah dikehendaki menjawab dua (2) soalan sahaja daripada tiga (3) soalan. Setiap soalan mempunyai 17 ½ markah.

SOALAN 1 – HAL EHWAL CUTI

1. Senaraikan beberapa keadaan dimana pegawai/kakitangan tidak akan mendapat kelayakan cuti tahunan.
(3 markah)
2. Sila nyatakan pegawai/kakitangan dalam bahagian mana yang dimestikan mengambil cuti mandatori, jumlah cuti mandatori dan bila cuti mandatori boleh diambil. Jika cuti mandatori tidak diambil dalam tempoh tersebut apakah akan terjadi? Bagaimana dengan cuti mandatori bagi tenaga pengajar dalam Bahagian II?
(5 markah)
3. Sila terangkan berkenaan dengan cuti kahwin bagi guru dan tenaga pengajar.
(4 markah)
4. Nyatakan pegawai/kakitangan daripada Kementerian mana yang dibenarkan untuk mengambil Cuti Khas bagi menemani Suami/Isteri bertugas di luar negeri dan nyatakan hal ehwal pengurusan gaji, elaun, kenaikan gaji tahunan dan tempoh perkhidmatan.
(5 markah)
5. Bilakah pegawai/kakitangan yang baru kembali bertugas selepas bercuti boleh mengambil cuti yang seterusnya?
(½ markah)

SOALAN 2 – LATIHAN DALAM PERKHIDMATAN SEBERANG LAUT (LDPSL)

Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri Bilangan 6/2017 adalah berkenaan pindaan terhadap Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri Bilangan 10/2006 mengenai dengan syarat-syarat dan peraturan-peraturan yang mengawal Latihan Dalam Perkhidmatan Seberang Laut (LDPSL).

1. Huraikan tafsiran Program Latihan Jangka Panjang.
(2 Markah)

2. Ke Jabatan manakah semua sokongan untuk menghadiri Program Latihan Jangka Panjang dihadapkan ?
(1 Markah)

3. Sila nyatakan nama Jawatankuasa berserta nama Jabatan yang berkuasa mempertimbangkan dan membenarkan Program LDPSL.
(2 Markah)

4. Berapakah had umur untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat Ijazah Pertama?
(1 tahun)

5. Senaraikan kemudahan-kemudahan yang akan dihulurkan kepada pegawai/kakitangan yang menjalani program latihan/kursus/pegajian dibawah Skim Latihan Dalam Perkhidmatan Penuh.
(5 ½ markah)

6. Antara syarat dan peraturan LDPSL berkaitan Latihan Dalam Perkhidmatan Penuh sahaja bagi kursus-kursus formal di peringkat Ijazah Pertama/Sarjana Muda, Ijazah Sarjana, Ijazah Kedoktoran Falsafah, kepakaran, iktisas atau professional, melebihi 30 hari serta pegawai/kakitangan hendaklah terdiri daripada rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam Perkhidmatan Tetap dan telah berkhidmat dengan Kerajaan tidak kurang dari dua (2) tahun perkhidmatan. Sila Nyatakan syarat-syarat Lain bagi sokongan LDPSL.
(6 Markah)

SOALAN 3 – KELAKUAN DAN TATATERTIB

Awang Ismail bin Hj Omar, seorang Pembantu Pejabat berjawatan tetap dalam Bahagian V telah tidak hadir bekerja selama 14 hari tanpa memberikan sebarang makluman kepada pegawai kanan yang bertanggungjawab keatas nya. Cubaan oleh Penolong Pentadbir untuk menghubunginya melalui telefon gagal. Apabila Awang Ismail datang semula ke Pejabat dia telah dipanggil Ketua Jabatannya bagi mendapatkan penjelasan atas ketidakhadirannya ke pejabat tanpa kebenaran. Awang Ismail memberikan alasan tidak dapat datang ke pejabat kerana keretanya rosak.

1. Siapakah Penguasa Tatatertib bagi pegawai/kakitangan dalam Bahagian I sehingga V?
(1 markah)
2. Apakah tindakan awal yang dipertanggungjawabkan untuk diambil oleh Ketua Jabatan keatas Awang Ismail kerana tidak hadir bekerja dengan tidak mendapat kebenaran?
(7 markah)
3. Jika Awang Ismail digantung kerja, apakah perkara yang patut diberikan perhatian keatas Awang Ismail?
(3 markah)
4. Jika mereka yang berkenaan gagal untuk bertindak mengutip balik gaji dan elaun yang tersalah bayar selama Awang Ismail tidak hadir bekerja tanpa kebenaran, menurut tatacara Surat Keliling JPM Bilangan 19/1998, apakah tindakan yang boleh diambil keatas mereka yang berkenaan tersebut?
(1 ½ markah)
5. Nyatakan dasar dalam melaksanakan tindakan tatatertib?
(5 markah)